

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**  
**DARIPADA** : **PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD**  
**YUSOFF [ RANTAU PANJANG ]**  
**TARIKH** : **19 MAC 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 72**

**Puan Hajah Siti Zailah Binti Mohd Yusof [ Rantau Panjang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah status terkini Rang Undang-undang (RUU) Kesaksamaan Gender dan adakah pandangan tokoh Islam diambil kira dalam proses penggubalan RUU tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tujuan mewujudkan Akta Kesaksamaan Gender, Kementerian telah menubuhkan satu *Special Project Team* Rang Undang-Undang Kesaksamaan Gender (SPT RUU GE) yang terdiri daripada pelbagai pihak sebagai usaha memastikan rang undang-undang tersebut diwujudkan mengambil kira aspek agama, sosial dan kaum memandangkan Malaysia merupakan sebuah negara yang berbilang kaum dan agama.

Keahlian SPT RUU GE ini terdiri daripada Kementerian / Jabatan / Agensi, ahli akademik dan juga badan bukan kerajaan (NGO). JAKIM dan wakil NGO Islam turut menjadi ahli kepada SPT ini dan mana-mana wakil Kementerian / Jabatan / Agensi Kerajaan / NGO / individu yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang sesuai dalam pemasalahan dan isu yang berhubung dengan isu kesaksamaan gender turut boleh dijemput hadir ke mesyuarat SPT ini. Secara amnya, SPT RUU GE bertanggungjawab untuk meneliti, menggubal dan menyediakan draf RUU GE ini dengan mengambil kira Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW), perundangan sedia ada di Malaysia seperti Perkara 3(1), Perlembagaan Persekutuan iaitu Islam ialah agama bagi Persekutuan dan juga beberapa contoh perundangan kesaksamaan gender di negara lain seperti Filipina, India dan Australia.